



IDRIS HARON

PROJEK pengindahan Sungai Melaka bakal menarik lebih ramai pelancong ke negeri itu. - UTUSAN/AZLI AHAD

Elak projek pengindahan Sungai Melaka tertangguh

Ambil tindakan terhadap kontraktor

Oleh **SUFFIAN ABU BAKAR**
kota@utusangroup.com.my

■ MELAKA 10 APRIL

KERAJAAN negeri berharap tindakan tegas perlu diambil terhadap kontraktor yang dilantik sebelum ini untuk mengendalikan projek pengindahan Sungai Melaka Fasa Pertama kerana memberi laporan tidak tepat berkaitan kerja-kerja yang dilaksanakan sehingga ia gagal disiapkan mengikut tempoh.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, beliau mendapat taklimat berhubung pelaksanaan projek pengindahan sungai itu yang kini memasuki fasa kedua mendakwa kontraktor yang dilantik sebelum itu gagal mematuhi spesifikasi projek yang ditetapkan.

Sambil memberi amaran kepada kontraktor tersebut, beliau memberikan contoh antara pelaksanaan yang dilakukan oleh mereka adalah menggunakan bahan yang substandard

namun membuat laporan yang berbeza.

"Kontraktor sebelum ini memberi laporan PVC setebal 2.5 milimeter (mm) digunakan tetapi sebaliknya mereka hanya menggunakan jenis 1.5 mm dan ianya telah diluluskan pembayaran, jadi mereka yang meluluskan dan menerima bayaran itu tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang.

"Kontraktor baharu tiada pilihan dan kerajaan negeri mengarahkan mereka terus menyiapkan kerja-kerja mengikut tempoh ditetapkan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini.

Idris turut meminta penyelia projek iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) agar mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor dan pegawai yang terlibat dalam memberi laporan yang salah ketika projek fasa pertama terdahulu, termasuk membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Projek Pengindahan Sungai Melaka kini memasuki Fasa Kedua namun tergendala walaupun ia sepatutnya siap pada 2014 dan Idris pada Januari lalu memaklumkan fasa itu dijangka siap sepenuhnya penghujung tahun ini setelah diambil alih oleh kontraktor baharu.

Sementara itu beliau berkata, projek pembinaan Empangan Air Sungai Jernih di Taboh Nanning, Alor Gajah perlu diteruskan bagi menampung keperluan bekalan air penduduk negeri ini menjelang tahun 2025.

Menurutnya, kerajaan negeri berpendapat empangan tersebut perlu diteruskan berbanding cadangan penggunaan takungan air atau *off river storage* (ORS) kerana sistem seperti itu dilihat tidak mampu menampung keperluan bekalan air negeri pada tahun tersebut.

"Sistem ORS ini mengandungi lebih kurang 100 juta gelen air sedangkan keperluan pada tahun 2025 dijangka sebanyak 300 juta gelen," katanya.